



## PANDUAN PENGISIAN MARKAH MELALUI PORTAL PENGURUSAN PELAJAR > ASSESSMENT MANAGEMENT DAN SISTEM PENTAKSIRAN BERSEPADU (SPB)

### 1) PENGISIAN MARKAH BAGI KURSUS 100% CONASS

- a) Pengisian markah melalui *Assessment Management*
  - i- Perlu mengisi markah '0' di bahagian FINASS.
  
- b) Pengisian markah melalui Sistem Pentaksiran Bersepadu (SPB)
  - i- Selepas import markah dari SPB ke *Assessment Management*, perlu mengisi markah '0' di bahagian FINASS.

Nota: **Ketua Pusat Pengajian (KPP)** perlu mengambil maklum markah '0' yang diisi di bahagian FINASS adalah 100% CONASS dan markah pelajar bukan mendapat markah '0'.

### 2) PENGISIAN MARKAH BAGI PELAJAR YANG TIDAK MENGAMBIL

#### PEPERIKSAAN AKHIR ATAU PENILAIAN AKHIR

- a) Pelajar yang DIBERI NOTIS PENAHANAN menduduki peperiksaan/penilaian akhir.
  - i- Pensyarah TIDAK PERLU mengisi apa-apa markah pelajar di dalam *Assessment Management*.
  - ii- Pensyarah perlu mengisi markah '0' (kosong) di dalam semua penilaian di dalam Borang CQI.

Nota: **Seksyen Peperiksaan, CoMAE-i** akan merekodkan markah pelajar sebagai 'X' (dihalang) apabila menerima salinan Borang Penahanan Pelajar Menduduki Peperiksaan Akhir/Penilaian Akhir dari fakulti. Mohon pastikan salinan borang tersebut dihantar ke CoMAE-i untuk tindakan.

**Rujukan: Peraturan Akademik Perkara 7.3.1(b) - Mana-mana pelajar yang dihalang daripada menduduki sebarang peperiksaan, melainkan dengan alasan yang boleh diterima, akan secara automatik menerima gred "F" dalam sesuatu kursus tanpa mengambil kira pencapaian dalam kerja-kerja kursus.**

- b) Pelajar yang TIDAK HADIR DENGAN KEBENARAN seperti mendapat cuti sakit (MC)/Kematian/urusan lain yang dibenarkan pada peperiksaan akhir.
- i- Pelajar perlu memaklumkan kepada fakulti beserta bukti asal.
  - ii- Fakulti perlu mengemukakan dokumen sokongan/sijil cuti sakit (MC) dan diserahkan kepada CoMAE-i.
  - iii- Pensyarah TIDAK PERLU mengisi apa-apa markah di dalam sistem.

Nota: **Seksyen Peperiksaan, CoMAE-i** akan merekodkan 'TK' (tidak hadir dengan kebenaran) di dalam sistem.

**Rujukan: Peraturan Akademik Perkara 7.7 (ii)- Bagi kategori (b), (c), (d), (e), pelajar perlu membuat permohonan kepada dekan fakulti masing-masing dengan mengemukakan dokumen bukti yang boleh diterima daripada pegawai atau pihak yang berkaitan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada masa pelajar tersebut tidak hadir peperiksaan bagi kursus berkenaan.**

- c) Pelajar yang TIDAK HADIR TANPA KEBENARAN pada peperiksaan akhir.
- i- Fakulti perlu memaklumkan kepada CoMAE-i dengan mengemukakan senarai nama pelajar yang terlibat.
  - ii- Pensyarah TIDAK PERLU mengisi apa-apa markah di dalam sistem.

Nota: **Seksyen Peperiksaan, CoMAE-i** akan mencatat 'TH' (tidak hadir tanpa kebenaran) di dalam sistem dan pengesahan akan dibuat semasa Mesyuarat Pemeriksa Fakulti.

*Rujukan: Peraturan Akademik Perkara 7.3.2 - Mana-mana pelajar yang tidak mengambil peperiksaan akhir atau penilaian terakhir dalam pentaksiran berterusan bagi semester berkenaan untuk sesuatu kursus akan dianggap gagal keseluruhan kursus berkenaan dan akan diberi gred "F" untuk kursus itu.*

### **3) PENGISIAN MARKAH BAGI PELAJAR YANG DIKENAKAN TATATERTIB**

- i- Ketua Pengawas Peperiksaan perlu mengisi Borang Laporan Insiden Peperiksaan dan perlu kemukakan borang tersebut beserta bukti kepada CoMAE-i.

Nota: **Seksyen Peperiksaan, CoMAE-i** akan merekodkan 'TA' di dalam sistem dan pengesahan akan dibuat dalam Jawatankuasa Tatatertib Pelajar uniSZA.

*Rujukan: Peraturan Akademik Perkara 7.6.7 – Sekiranya pelajar didapati tidak mematuhi mana-mana daripada peraturan peperiksaan ini, setelah dibicara dan disabitkan kesalahnya oleh jawatankuasa berkenaan Jawatankuasa Tatatertib Pelajar uniSZA, maka boleh diambil salah satu daripada tindakan (a), (b), (c), (d).*

## CONTOH SITUASI PELAJAR

PELAJAR	SITUASI	CONASS	FINASS	GRED	
A	100% CONASS	80	0 Assessment Management	0 SPB > Assessment Management	80
PELAJAR	SITUASI	FAKULTI	COMAE-I	PENSYARAH	GRED/TINDAKAN
A	TIDAK MENGAMBIL PEPERIKSAAN AKHIR ATAU PENILAIAN AKHIR	Kemukakan Notis Penahanan Menduduki Peperiksaan Akhir	X (dihalang)	Perlu mengisi markah '0' (kosong) didalam semua penilaian di Borang CQI	F
B	PELAJAR YANG TIDAK HADIR DENGAN KEBENARAN	Kemukakan surat dan dokumen pelajar	TK	Tidak perlu mengisi markah di sistem	Menduduki Peperiksaan Khas
C	PELAJAR YANG TIDAK HADIR TANPA KEBENARAN	Kemukakan senarai pelajar	TH	Tidak perlu mengisi markah di sistem	Disahkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa Fakulti
D	PELAJAR DIKENAKAN TATATERTIB	Kemukakan borang Laporan Insiden Peperiksaan	TA	Tidak perlu mengisi markah di sistem	Ditentukan oleh Jawatankuasa Tatatertib Pelajar UniSZA